

Headline	Aplikasi Haji-Umrah mesra jemaah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	34	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	Oleh FARID AHMAD TARMIIJI	AdValue	RM 17,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,050



Aplikasi Haji-Umrah mesra jemaah

Oleh FARID AHMAD TARMIIJI

SETIAP umat Islam di seluruh dunia pasti menyimpan hasrat untuk menunaikan ibadah haji bagi mendekatkan diri dengan maha pencipta.

Untuk menunaikan ibadah itu, persediaan awal harus dilakukan kerana pelbagai amalan serta doa perlu dihafal bagi memudahkan proses bagi mendapatkan haji yang mabrur.

Malah, ibadah haji perlu dilakukan dengan cara yang tepat agar dapat meninggalkan kesan yang mendalam pada diri terutamanya ketika melaksanakan rukun-rukun yang diwajibkan dalam ibadah tersebut.

Tambahan pula, disebabkan ramai jemaah haji dari negara ini merupakan golongan warga emas, mereka mudah untuk terlupa tentang amalan-amalan dan doa yang harus dilakukan.

Justeru, bagi mengatasi perkara itu, sebuah syarikat tempatan, Biotropics Malaysia Berhad (Biotropics) telah melancarkan aplikasi Haji-Umrah buat jemaah haji.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Shahir Tengku Adnan berkata, syarikatnya membangunkan aplikasi itu sebagai sumbangan bagi memudahkan jemaah haji menjalankan ibadah di tanah suci.

Menurutnya, memang terdapat banyak aplikasi mengenai ibadah haji yang boleh dimuat turun ke telefon pintar dan setiap satunya

berbeza dari segi kegunaan.

“Aplikasi yang sedia ada itu terdapat dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Melayu, namun ia dilihat tidak begitu sempurna, malah sumber maklumatnya juga diragui.

Aplikasi lengkap

“Rentetan daripada situasi ini, Biotropics merasakan perlu adanya satu aplikasi yang lengkap serta mesra jemaah termasuk kepada mereka yang pertama kali menggunakan telefon pintar.

“Seperti juga aplikasi yang terdapat di luar sana, aplikasi Haji-Umrah ini dihasilkan untuk membantu serta memudahkan bakal jemaah haji dan umrah mengerjakan aktiviti kedua-dua ibadah tersebut serta perkara-perkara harian di tanah suci Mekah,” jelasnya.

Katanya lagi, aplikasi itu juga dapat membantu para jemaah mengingat semula ibadah rukun dan wajib di samping perkara-perkara sunat yang perlu dibuat ketika berada dalam sesuatu tempat seperti mengerjakan Tawaf dan Saie.

Bagi memastikan segala maklumat yang digunakan di dalam aplikasi itu adalah tepat, pihaknya telah

merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (TH) ketika membangunkannya.

“Kandungan dalam aplikasi ini seperti doa serta amalan-amalan telah dirujuk kepada pihak Bahagian Bimbingan Jabatan Haji terlebih dahulu bagi memastikan ia selari mengikut mazhab Imam

Shafie,” jelasnya.

Katanya lagi, TH turut terlibat dalam memeriksa kandungan dan maklumat yang digunakan dalam aplikasi tersebut agar mematuhi hukum syarak serta mengikut panduan dan amalan yang digunakan oleh pengurusan TH.

Lebih menarik, aplikasi Haji-Umrah itu turut menyediakan bimbingan serta persoalan lazim selain maklumat mengenai kawasan setempat seperti lokasi hospital, hotel, restoran dan pusat beli-belah.

Jemaah haji juga dapat berhubung terus dengan rakan-rakan serta ahli keluarga tanpa keluar daripada aplikasi tersebut.

Malah, terdapat 114 surah serta beberapa hadis sahih, arah kiblat dan waktu solat yang turut dimuatkan ke dalamnya untuk menjadi rujukan para jemaah.

Aplikasi Haji-Umrah itu boleh dimuat turun secara percuma untuk pengguna Android dan iOS.



TENGGU Shahir (tengah) menunjukkan aplikasi Haji-Umrah yang boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar.

Headline	Aplikasi Haji-Umrah mesra jemaah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	34	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	666 cm ²
Journalist	Oleh FARID AHMAD TARMIIJI	AdValue	RM 17,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,050

